

Headline	Perak pelihara Resak abdulrahman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	4	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,690
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,070



## Perak pelihara Resak abdulrahman

**Ipoh:** Kerajaan Perak bersama Jabatan Perhutanan memelihara spesies pokok hutan baharu dunia yang dinamakan Resak abdulrahman yang ditemui di Hutan Simpan Kledang Saiong, dekat sini.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, pihaknya melaksanakan lebih banyak proses pembenihan bagi memastikan kewujudan dan pemuliharaan spesies itu.

"Kita tambah spesies itu supaya dapat ditanam di tempat ia ditemui atau kawasan lain yang sesuai," katanya.

Zambry berkata, Hutan Eko Rimba Kledang Saiong dijadikan sebagai pakej pelancongan yang dibangunkan bersama Movies

Animation Park Studios di kawasan Meru.

"Saya mengesyorkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) untuk bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan bagi mewujudkan satu pakej."

"Kawasan seluas 50 hektar ini menjadi pakej pilihan bagi menarik kehadiran pelancong."

"Ini bermakna pelancong bukan sahaja menikmati taman tema air dan taman animasi semata-mata, tetapi turut merasai pengalaman memasuki taman semula jadi," katanya selepas program Kembara Rimba Bersama Menteri Besar di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Zambry turut

merentas laluan Denai Hutan Digital sejauh dua kilometer bersama 30 pegawai Jabatan Perhutanan Perak dan wakil media.

Penemuan spesies baharu pokok hutan dinamakan Resak abdulrahman atau nama saintifiknya Vatica abdulrahmaniana menjadi satu-satunya spesies unik dalam dunia yang hanya terdapat di Hutan Simpan Kledang Saiong.

Spesies istimewa itu ditemui oleh kumpulan pakar penyelidik yang menjalankan kerja pemeratauan jangka panjang spesies terancam dalam projek Semenanjung Malaysia dikendalikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di kawasan hutan simpan berkenaan pada 2009.